

Tidak ada tempat bagi yang merajuk - Mahathir

MM - 8 AUG 1982

KEPALA BATAS, 7 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa tidak ada tempat di dalam parti itu bagi mereka yang mengambil sikap 'merajuk' setelah kalah dalam pertandingan merebut jawatan parti di mana-mana peringkat pun.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang bersikap demikian tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap UMNO kerana parti itu bukan ditubuhkan untuk memberi tempat kepada sesiapa pun tetapi sebaliknya memelihara kedudukan orang-orang Melayu, agama Islam dan seluruh rakyat negara ini.

Beliau, yang juga Presiden UMNO, berkata, "tidak ada tempat dalam UMNO bagi mereka yang terlalu mementingkan diri sendiri sehingga bila kalah dalam perebutan parti mengambil sikap merajuk dengan mencuilkan diri ataupun keluar dari parti.

"Ini bukanlah caranya dan kalau sikap ini wujud berleluasa alamat UMNO akan lemah," te-

gasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang dipercayai merujuk kepada perebutan-perebutan jawatan yang sedang berlangsung di peringkat bahagian dan cawangan sekarang mengingatkan demikian semasa berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kepala Batas di sini, pagi ini.

Perdana Menteri sebaliknya mahu setiap ahli UMNO mengambil sikap menerima segala keputusan dengan hati terbuka dan memberi sokongan kepada mereka yang berjaya.

Beliau menjelaskan bahawa Perlembagaan UMNO sentiasa membenarkan pertandingan sebarang jawatan parti.

"Tetapi dalam me-

nyertai pertandingan itu janganlah kita terlalu bersemangat sangat hingga lupa hasrat sebenar kita bertanding."

"Dalam pada itu setiap ahli harus menentukan pemimpin yang mereka pilih ialah orang yang dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan bukan yang mereka rasa dapat memperoleh sesuatu darinya," ujarnya.

Serentak itu Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli UMNO tentang perlunya proses peralihan pucuk pimpinan dari golongan tua kepada golongan muda berjalan dari masa ke masa.

"Seseorang pemimpin yang saya anggap mempunyai sifat seorang negarawan yang baik ialah mereka yang sentiasa sedar bila harus memegang jawatan itu dan bila ia harus mengundur diri," ujarnya.

Sejajar dengan itu Perdana Menteri memuji langkah yang diambil oleh ketua UMNO bahagian Kuala Muda, Datuk Senu Abdul Rahman dan ketua UMNO Slim River yang menarik diri dalam pertandingan untuk memberi peluang kepada tokoh lain yang lebih muda.

Sambil mensifatkan mereka sebagai negarawan beliau berkata langkah seumpama itu wajar dicontohi oleh setiap ahli UMNO yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap parti.

Sementara itu ketika berucap di sidang perwakilan UMNO bahagian Parit Buntar pada sebelah tengah hari tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan para pemimpin UMNO bahawa pemilihan mereka oleh

parti bukannya untuk diletakkan di atas takhta dan orang ramai mesti tunduk pada mereka.

"Sebenarnya mereka cuma diletakkan di situ adalah untuk melaksanakan dan mengekalkan kehendak ahli," tegasnya.

Katanya, jika sesuatu kehendak ahli tidak dapat dilayani maka adalah menjadi tugas mereka memberi penjelasan dengan ini memberikan peluang untuk diambil tindakan mengatasinya.

Beliau juga menegaskan bahawa pengorbanan di kalangan ahli adalah perlu dalam memenuhi disiplin parti.

Bercakap mengenai UMNO bahagian Parit Buntar, beliau berkata pergolakan yang berlaku dalam bahagian tersebut selama ini adalah dalam pengetahuan Majlis Tertinggi.

Katanya, setiap bahagian mempunyai masalah tersendiri tetapi tidak hebat yang berlaku dalam bahagian Parit Buntar.

Menurutnya Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Wan Mohamad Haji Wan Teh, telah meminta kebenaran Majlis Tertinggi supaya mengadakan pemilihan para pegawai dan ahli jawatankuasa dalam mesyuarat kali ini tetapi setelah meneliti dari segala sudut pemilihan tersebut terpaksa ditangguhkan hingga tahun depan.

Bagaimanapun beliau gembira kerana ahli-ahli UMNO bahagian ini telah dapat menebus maruah dalam pilihanraya lalu dengan merampas kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Kurau dari PAS.

Jawatankuasa UMNO bahagian Parit Buntar telah dibubarkan pertengahan Mei 1980 atas perintah Majlis Tertinggi UMNO Malaysia berikutan kekecohan yang timbul dari perebutan jawatan ketua UMNO bahagian dalam mesyuarat perwakilannya.

Serentak dengan tindakan membubarkan jawatankuasa itu, Majlis Tertinggi telah melantik Menteri Besar Perak, Dato' Sri Wan Mohamad juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri menjadi pengerusi jawatankuasa sementara untuk mengendalikannya UMNO bahagian itu.